

[A COMPARATIVE ANALYSIS OF THE CONCEPTS OF *DZAUQ* AND *NAZM* AND THEIR APPLICATION IN MODERN ARABIC LITERARY PEDAGOGY: A STUDY OF THE THOUGHT OF IBN KHALDUN, ABD AL-QAHIR AL-JURJANI, AND AHMAD AL-SHAYIB]

ANALISIS PERBANDINGAN KONSEP *DZAUQ* DAN *NAZM* SERTA APLIKASINYA DALAM PEDAGOGI SASTERA ARAB MODEN: KAJIAN TERHADAP PEMIKIRAN IBN KHALDUN, AL-JURJANI DAN AHMAD AL-SHAYIB

Nurhasma Muhamad Saad
nurhasma@usim.edu.my
Universiti Sains Islam Malaysia

Ab. Adly Rabbanie Ab Rahim
GS61292@edu.upm.my
Universiti Putra Malaysia

Margaret Anthoney
margaret@usim.edu.my
Universiti Sains Islam Malaysia

Yee Chin Yip
cyyee@usim.edu.my
Universiti Sains Islam Malaysia

Khazri Osman
khazri@ukm.edu.my
Universiti Kebangsaan Malaysia

Ahmadi Ahmadi
ahmadi@isimupacitan.ac.id
Institut Studi Islam Muhammadiyah Pacitan, Indonesia

Abstrak

Kajian ini bertujuan meninjau konsep *dzauq* dan *nazm* serta mengintegrasikannya dengan pendekatan pedagogi sastra Arab moden yang dipelopori oleh Ahmad al-Shayib. Kajian berbentuk kualitatif ini menggunakan analisis dokumen terhadap karya utama seperti *al-Muqaddimah* dan *Dala'il al-I'jaz*, di samping sorotan literatur kontemporari. Data dianalisis menggunakan pendekatan analisis konseptual dan integratif bagi menghuraikan, membandingkan dan menggabungkan konsep klasik dengan pendekatan pedagogi moden. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Ibn Khaldun menekankan pembinaan *dzauq* melalui pembelajaran berperingkat, manakala al-Jurjani menegaskan kepentingan *nazm* dalam memahami keindahan bahasa melalui hubungan makna yang tersusun. Ahmad al-Shayib pula mengembangkan pendekatan pedagogi yang menggabungkan penghayatan estetika dengan analisis teks secara sistematik. Kajian ini merumuskan bahawa integrasi konsep *dzauq*, *nazm* dan pendekatan pedagogi moden mampu membentuk kerangka pembelajaran sastra Arab yang lebih holistik, sekali gus menyumbang kepada pengukuhan dimensi analitik dan estetika dalam pendidikan sastra.

Kata Kunci: Konsep *dzauq*, *nazm*, Ibn Khaldun, al-Jurjani, Ahmad al-Shayib, pedagogi sastra Arab.

Abstract

This study aims to examine the concepts of dzauq and nazm and to integrate them with the modern Arabic literary pedagogical approach pioneered by Ahmad al-Shayib. This qualitative study employs

document analysis of major works such as al-Muqaddimah and Dala'il al-I'jaz, alongside a review of contemporary literature. The data are analyzed using a conceptual and integrative approach to describe, compare, and synthesize classical concepts with modern pedagogical approaches. The findings reveal that Ibn Khaldun emphasizes the development of dzauq through a gradual learning process, while Abd al-Qahir al-Jurjani highlights the importance of nazm in understanding linguistic beauty through the structured relationships of meaning. Ahmad al-Shayib further develops a pedagogical approach that combines aesthetic appreciation with systematic textual analysis. The study concludes that the integration of dzauq, nazm, and modern pedagogical approaches is capable of forming a more holistic framework for learning Arabic literature, thereby contributing to the strengthening of both analytical and aesthetic dimensions in literary education.

Keywords: *Concept of dzauq, Nazm, Ibn Khaldun, al-Jurjani, Ahmad al-Shayib, Arabic literary pedagogy.*

Article Received:
8 May 2026

Article Reviewed:
20 May 2026

Article Published:
15 June 2026

PENGENALAN

Sastera dalam konteks pengajian bahasa Arab merupakan suatu bidang yang kompleks dan multidimensional yang melibatkan teks puisi dan prosa, ilmu balaghah, retorik serta kritikan sastera yang berkembang secara dinamik sepanjang sejarah peradaban Arab. Tradisi sastera Arab bukan sahaja berfungsi sebagai medium ekspresi artistik, tetapi juga sebagai wadah intelektual yang mencerminkan pemikiran, nilai dan *worldview* masyarakat Arab-Islam (Allen, 2000). Oleh itu, sastera tidak boleh dilihat sebagai sekadar kumpulan teks, sebaliknya sebagai satu sistem makna yang mengandungi struktur bahasa, dimensi estetika dan konteks budaya yang saling berinteraksi (Badawi, 1992).

Dalam konteks pendidikan, kepentingan sastera terletak pada keupayaannya membentuk perkembangan intelek dan emosi pelajar secara serentak. Sastera menyediakan ruang kepada pelajar untuk mengembangkan pemikiran kritis, membina empati serta memahami kompleksiti pengalaman manusia melalui pelbagai perspektif (Rosenblatt, 1978). Pembacaan teks sastera bukan sahaja melibatkan proses kognitif seperti memahami makna dan struktur, tetapi juga melibatkan dimensi afektif yang membolehkan pelajar merasai dan menghayati pengalaman yang digambarkan dalam teks. Hal ini menjadikan sastera sebagai medium pembelajaran yang unik berbanding disiplin lain. (Carter & Long, 1991).

Dalam pengajaran bahasa Arab sebagai bahasa kedua, sastera memainkan peranan yang sangat signifikan sebagai jambatan antara penguasaan bahasa dan pemahaman budaya. Teks sastera menyediakan contoh penggunaan bahasa yang autentik, kompleks dan kaya dengan variasi gaya bahasa yang tidak dapat diperoleh melalui bahan pembelajaran biasa. (Maley, 2001). Selain itu, sastera juga membantu pelajar memahami nilai budaya dan sistem pemikiran masyarakat Arab, sekali gus memperkayakan pengalaman pembelajaran mereka. (Langer, 1991) Oleh itu, pengajaran sastera dalam konteks ini tidak hanya bertujuan meningkatkan kecekapan bahasa, tetapi juga membina kesedaran budaya dan estetik.

Tujuan Pengajaran Sastera Arab

Sastera merupakan sumber pembelajaran yang kaya dengan nilai bahasa, budaya dan kemanusiaan. Dalam konteks pendidikan, sastera menyediakan peluang kepada pelajar untuk memahami pengalaman manusia melalui pelbagai perspektif yang berbeza. (Saraceni, 2003) Sebagai sumber bahasa, teks sastera menawarkan penggunaan bahasa yang autentik dan kreatif. Pelajar dapat mempelajari struktur ayat, gaya bahasa dan penggunaan metafora secara semula jadi melalui pembacaan. Hal ini membantu meningkatkan kecekapan bahasa mereka (Carter & Long, 1991)

Selain itu, sastera juga berfungsi sebagai sumber pembinaan keperibadian kerana mengandungi nilai moral dan sosial. Pelajar dapat memahami konsep seperti keadilan, kasih sayang dan pengorbanan melalui karya sastera. Sastera juga membantu pelajar membina keupayaan untuk bertutur dan menulis tentang konsep sastera. Mereka belajar menggunakan istilah akademik seperti tema, simbolisme dan gaya bahasa dalam komunikasi. (Chan, 1999)

Namun, potensi sastera sering tidak dimanfaatkan sepenuhnya apabila pengajaran terlalu berfokus kepada fakta. Oleh itu, pendekatan pengajaran perlu diubah agar sastera dapat digunakan sebagai medium pembelajaran yang hidup dan bermakna. (Brumfit, 1985)

Tujuan pengajaran sastera Arab kepada penutur bukan Arab melibatkan pelbagai dimensi yang saling berkait, termasuk pengembangan kosa kata, pengenalan kepada warisan sastera Arab, pemahaman nilai budaya serta pembinaan keupayaan apresiasi estetik. Selain itu, pengajaran sastera juga bertujuan membolehkan pelajar mengekspresikan idea secara kreatif dan membina makna kehidupan melalui interaksi dengan teks. Dalam hal ini, sastera berfungsi sebagai medium pembinaan identiti dan pemikiran pelajar, bukan sekadar alat pembelajaran bahasa.

Dalam konteks Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia menekankan bahawa pengajaran sastera bertujuan memupuk minat membaca, meningkatkan kecekapan bahasa, memperkukuh kemahiran berfikir serta membina kefahaman budaya (Ministry of Education Malaysia, 1999). Walaupun garis panduan ini dirangka dalam konteks bahasa Inggeris, prinsip yang sama boleh diaplikasikan dalam pengajaran sastera Arab. Hal ini kerana objektif utama pengajaran sastera adalah sejagat, iaitu membina insan yang seimbang dari segi intelek, emosi dan sosial.

Namun demikian, realiti pengajaran sastera menunjukkan bahawa terdapat pelbagai cabaran yang menghalang pencapaian objektif tersebut. Antara permasalahan utama ialah pendekatan pengajaran yang terlalu berorientasikan peperiksaan, di mana guru lebih menekankan hafalan fakta seperti plot, watak dan tema berbanding dengan penghayatan estetik. Selain itu, dominasi guru dalam bilik darjah menyebabkan pelajar kurang terlibat secara aktif dalam proses pembelajaran. Pemilihan teks yang tidak sesuai dengan tahap pelajar juga menjadi faktor yang menyumbang kepada kesukaran memahami sastera (Carter & Long, 1991).

Sehubungan itu, terdapat keperluan untuk menilai semula pendekatan pengajaran sastera dengan mengintegrasikan teori klasik seperti konsep *dzauq* oleh Ibn Khaldun dan teori *nazm* oleh Abd al-Qahir al-Jurjani dengan pendekatan pedagogi moden. Integrasi ini diharapkan dapat menghasilkan satu kerangka pengajaran sastera yang lebih holistik, seimbang dan relevan dengan keperluan pendidikan masa kini.

Kecekapan bahasa dan kesusasteraan

Kecekapan bahasa dan kecekapan kesusasteraan merupakan dua aspek yang saling berkait dalam pengajaran sastera. Kecekapan bahasa merujuk kepada keupayaan memahami dan menggunakan bahasa secara efektif, manakala kecekapan kesusasteraan melibatkan keupayaan mentafsir, menganalisis dan menghargai teks.

Pengajaran sastera membantu meningkatkan kecekapan bahasa melalui pendedahan kepada struktur ayat, kosa kata dan gaya bahasa yang pelbagai. Teks sastera menyediakan contoh penggunaan bahasa yang autentik dan kompleks, yang membantu pelajar memahami bagaimana bahasa digunakan dalam konteks sebenar.

Dalam masa yang sama, kecekapan kesusasteraan membolehkan pelajar memahami makna tersirat dalam teks serta menilai keindahan bahasa. Hal ini memerlukan kemahiran berfikir kritis dan kreatif, yang merupakan elemen penting dalam pendidikan abad ke-21.

Gabungan kedua-dua kecekapan ini penting kerana pemahaman sastera tidak boleh dicapai tanpa penguasaan bahasa yang baik. Sebaliknya, pembelajaran bahasa menjadi lebih bermakna apabila disokong oleh teks sastera yang kaya dengan makna dan nilai. Oleh itu, pengajaran sastera perlu dirancang secara integratif bagi memastikan pembangunan kedua-dua kecekapan ini berlaku secara serentak dan seimbang.

Strategik Pengajaran Sastera Arab

Strategik pengajaran sastera Arab dalam konteks bahasa kedua memerlukan pendekatan yang fleksibel dan berorientasikan pelajar, memandangkan pelajar bukan sahaja perlu memahami bahasa, tetapi juga menghayati nilai estetika yang terkandung dalam teks. Dalam dokumen kajian, dua pendekatan utama dikenal pasti iaitu kaedah deduktif dan kaedah induktif. Kaedah deduktif bermula dengan penerangan teori sebelum diberikan contoh, manakala kaedah induktif bermula dengan teks sebelum pelajar membuat generalisasi terhadap konsep.

Walaupun kaedah deduktif mempunyai kelebihan dari segi kejelasan penyampaian konsep, pendekatan ini sering dikritik kerana terlalu berpusatkan guru dan kurang memberi ruang kepada pelajar untuk berfikir secara kritis. Sebaliknya, kaedah induktif lebih menepati prinsip pedagogi moden kerana memberi peluang kepada pelajar membina pengetahuan melalui pengalaman. Dalam pendekatan ini, pelajar berinteraksi secara langsung dengan teks dan mengenal pasti ciri-ciri keindahan bahasa secara praktikal sebelum memahami teori secara abstrak. Hal ini selari dengan teori konstruktivisme yang menekankan bahawa pembelajaran berlaku melalui pembinaan makna secara aktif oleh pelajar (Piaget, 1970).

Selain itu, teknik pengajaran sastera Arab perlu melibatkan pelbagai aktiviti yang mampu merangsang penglibatan pelajar. Aktiviti seperti pembacaan ekspresif, perbincangan kumpulan, analisis teks dan lakonan dapat membantu pelajar memahami makna teks secara mendalam. Pembacaan ekspresif, misalnya, membolehkan pelajar merasai ritma dan intonasi bahasa Arab, yang merupakan elemen penting dalam membina penghayatan estetik. Perbincangan kumpulan pula memberi peluang kepada pelajar untuk bertukar pandangan dan membina makna secara kolektif.

Penggunaan teknologi seperti audio dan video juga dapat meningkatkan pengalaman pembelajaran sastera. Rakaman bacaan puisi atau persembahan drama boleh membantu pelajar memahami konteks emosi dan budaya teks. Dalam hal ini, teknologi berfungsi sebagai alat sokongan yang memperkayakan pengalaman estetik pelajar.

Dalam konteks pedagogi kontemporari, pengajaran unsur balaghah yang menyokong pemahaman sastera perlu bergerak melampaui kaedah hafalan definisi dan kaedah sematamata. Siti Rosilawati Ramlan et al. (2025) mendapati bahawa pengajaran Balaghah yang terlalu menumpukan aspek definisi dan peraturan boleh mengekang minat pelajar, manakala penerapan elemen gamifikasi dilihat berpotensi mewujudkan pembelajaran yang lebih interaktif dan fleksibel. Dapatan ini menyokong keperluan mengintegrasikan penghayatan estetik, analisis bahasa dan strategi pembelajaran aktif dalam pengajaran sastera Arab moden.

Pengajaran sastera juga perlu disusun secara sistematik melalui beberapa fasa seperti pendahuluan, pembacaan teks, penjelasan, perbincangan dan apresiasi. Struktur ini menunjukkan bahawa pembelajaran sastera merupakan satu proses berperingkat yang melibatkan pemahaman dan penghayatan secara serentak. Fasa pendahuluan membantu membina latar pengetahuan pelajar, manakala fasa apresiasi membolehkan pelajar menghayati keindahan teks secara mendalam.

Secara keseluruhannya, teknik pengajaran sastera Arab perlu menyeimbangkan antara aspek analitik dan estetik. Guru bukan sahaja perlu mengajar struktur bahasa, tetapi juga membimbing pelajar untuk merasai keindahan teks, selaras dengan konsep *dzauq* dalam tradisi sastera Arab.

Persepsi Guru dan Pelajar Terhadap Pengajaran Sastera

Persepsi guru terhadap pengajaran sastera memainkan peranan penting dalam menentukan keberkesanan pembelajaran. Secara umum, guru mempunyai pandangan positif terhadap sastera kerana menyedari kepentingannya dalam meningkatkan kemahiran bahasa dan pembentukan nilai pelajar. Namun, kajian menunjukkan bahawa ramai guru masih menghadapi kesukaran dalam mengaplikasikan pendekatan yang sesuai, terutama apabila berhadapan dengan pelajar yang mempunyai tahap kecekapan bahasa yang rendah (Tina et al., 2007).

Selain itu, guru juga berdepan dengan kekangan masa dan beban sukatan pelajaran yang padat. Keadaan ini menyebabkan pengajaran sastera menjadi terlalu berorientasikan peperiksaan, di mana fokus diberikan kepada aspek fakta seperti plot, watak dan tema. Pendekatan ini mengabaikan dimensi penghayatan estetik yang merupakan teras kepada sastera.

Dari perspektif pelajar, sastera dianggap menarik apabila diajar menggunakan pendekatan interaktif dan berpusatkan pelajar. Pelajar menunjukkan minat yang tinggi apabila diberi peluang untuk memberi respons peribadi terhadap teks serta terlibat dalam aktiviti kreatif seperti perbincangan dan lakonan. Hal ini menunjukkan bahawa penglibatan aktif pelajar merupakan faktor penting dalam meningkatkan keberkesanan pembelajaran sastera.

Namun demikian, pelajar juga menghadapi cabaran dalam memahami teks sastera, terutamanya apabila teks tersebut mengandungi bahasa yang kompleks atau konteks budaya yang jauh daripada pengalaman mereka. Kesukaran ini boleh menyebabkan pelajar kehilangan minat terhadap sastera.

Kepentingan penglibatan pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab turut disokong oleh Nor Fatini Aqilah Mohamad Soad et al. (2024), yang mendapati bahawa tahap keseronokan dan penglibatan pelajar dalam program pengajian bahasa Arab berada pada tahap sederhana hingga sederhana tinggi. Dapatan ini menunjukkan bahawa pengalaman pembelajaran yang bermakna dan menyeronokkan berpotensi meningkatkan keterlibatan pelajar. Dalam pengajaran sastera Arab, keadaan ini boleh dibina melalui pembacaan ekspresif, respons peribadi terhadap teks, perbincangan kritis dan aktiviti apresiasi yang menempatkan pelajar sebagai peserta aktif dalam proses pembinaan makna.

Oleh itu, persepsi terhadap sastera sangat bergantung kepada pendekatan pengajaran yang digunakan. Pendekatan yang menekankan pengalaman estetik dan penglibatan pelajar didapati lebih berkesan dalam meningkatkan minat dan kefahaman pelajar.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk analisis dokumen dan konseptual, yang sesuai untuk meneliti teks klasik serta membina kerangka teori dalam bidang sastera dan pedagogi. Pendekatan kualitatif dipilih kerana ia membolehkan penyelidik memahami fenomena secara mendalam melalui interpretasi makna dan konteks, khususnya dalam kajian yang melibatkan teks sastera dan pemikiran tokoh (Creswell, 2014). Selain itu, analisis dokumen merupakan kaedah yang signifikan dalam penyelidikan sastera kerana ia membolehkan pemerhatian terhadap kandungan teks secara sistematik dan kritis (Bowen, 2009).

Data kajian diperoleh daripada sumber primer yang terdiri daripada karya utama Ibn Khaldun seperti *al-Muqaddimah*, Abd al-Qahir al-Jurjani melalui *Dala'il al-I'jaz*, serta Ahmad al-Shayib dalam *Usul al-Naqd al-Adabi*. Karya-karya ini dipilih kerana mewakili asas pemikiran klasik dan moden dalam sastera Arab serta mempunyai pengaruh yang besar terhadap perkembangan teori sastera dan pedagogi. Di samping itu, sumber sekunder turut digunakan, termasuk literatur pedagogi sastera, kajian ESL di Malaysia serta dokumen pendidikan, bagi menyediakan konteks kontemporari dan memperkukuh analisis (Carter & Long, 1991; Vethamani, 2004).

Analisis data dilakukan melalui tiga pendekatan utama. Pertama, analisis tematik digunakan bagi mengenal pasti tema utama dalam teks, iaitu kaedah yang melibatkan pengkodan dan pengelompokan data untuk menghasilkan pola makna yang signifikan (Braun & Clarke, 2006). Kedua, analisis perbandingan digunakan untuk membandingkan konsep klasik seperti *dza'iq* dan *nazm* dengan pendekatan pedagogi moden, bagi menilai persamaan dan perbezaan dari segi epistemologi dan aplikasi (Miles, Huberman, & Saldaña, 2014). Ketiga, analisis integratif digunakan untuk menggabungkan dapatan daripada pelbagai sumber bagi membina model pedagogi baharu yang lebih komprehensif dan relevan dengan konteks pendidikan semasa (Torraco, 2005).

Kesahan data dalam kajian ini dipastikan melalui beberapa strategi. Pertama, triangulasi sumber digunakan dengan membandingkan data daripada teks klasik dan literatur moden bagi meningkatkan kebolehpercayaan dapatan (Denzin, 1978). Kedua, rujukan silang

antara teori klasik dan moden dilakukan bagi memastikan kesepadanan konsep dan mengelakkan tafsiran yang bersifat subjektif. Ketiga, kesesuaian dapatan dengan konteks pendidikan Malaysia dinilai bagi memastikan relevansi praktikal kajian ini terhadap amalan pengajaran sastera semasa. Pendekatan ini selari dengan prinsip kesahan dalam kajian kualitatif yang menekankan kebolehpercayaan, kesahihan dan kebolehgunaan dapatan (Lincoln & Guba, 1985).

Secara keseluruhannya, pendekatan metodologi ini membolehkan kajian menghasilkan dapatan yang komprehensif, bersifat analitik dan integratif serta relevan dengan konteks pedagogi sastera Arab moden. Gabungan analisis dokumen, perbandingan teori dan pembinaan model menjadikan kajian ini bukan sahaja bersifat deskriptif, tetapi juga menyumbang kepada pembangunan kerangka pedagogi yang baharu.

Model Pengajaran Sastera Arab yang Sedia Ada

Pengajaran sastera Arab perlu dilaksanakan secara berperingkat mengikut tahap keupayaan pelajar. Pada peringkat permulaan, penggunaan teks mudah seperti nasyid dan puisi pendek membantu membina asas bahasa dan minat pelajar terhadap sastera. Pada peringkat pertengahan, pelajar mula diperkenalkan kepada konsep sastera secara implisit melalui teks, manakala pada peringkat lanjutan, mereka didedahkan kepada analisis balaghah dan kritikan secara mendalam. Pendekatan ini selari dengan konsep *tadarruj* yang ditekankan oleh Ibn Khaldun yang menegaskan bahawa pembelajaran perlu berlaku secara berperingkat bagi membentuk *malakah* (Ibn Khaldun, 2014/2023; Mohd Zahirwan et al., 2017).

Perancangan pengajaran sastera pula melibatkan beberapa fasa seperti pendahuluan, pembacaan teks, penjelasan, perbincangan dan apresiasi. Struktur ini menunjukkan bahawa pengajaran sastera merupakan satu proses pengalaman estetik yang menyeluruh. Dalam konteks ini, guru berperanan sebagai fasilitator yang membimbing pelajar untuk berinteraksi dengan teks, bukan sekadar menyampaikan maklumat (Rosenblatt, 1978; Mohamed Amin, 2016). Pendekatan ini menekankan bahawa pembelajaran sastera berlaku melalui interaksi aktif antara pembaca dan teks.

Dari segi kaedah pengajaran, pendekatan induktif didapati lebih berkesan kerana bermula dengan teks sebelum membawa kepada konsep. Pendekatan ini membolehkan pelajar terlibat secara aktif dalam proses pembelajaran dan mengembangkan kemahiran analisis serta apresiasi. Sebaliknya, pendekatan deduktif yang bermula dengan teori cenderung menghasilkan pembelajaran yang bersifat hafalan (Brumfit, 1985; Carter & Long, 1991). Oleh itu, pendekatan induktif lebih selari dengan pembelajaran konstruktivisme yang menekankan pengalaman sebagai asas pembinaan ilmu.

Penyediaan latihan juga memainkan peranan penting dalam memperkukuh pembelajaran sastera. Latihan perlu merangkumi aspek kognitif, afektif dan sosial, serta memberi peluang kepada pelajar untuk berfikir, merasa dan berinteraksi. Selain itu, penggunaan teknik seperti pembacaan ekspresif, kerja kumpulan dan penggunaan audio dapat memperkayakan pengalaman pembelajaran pelajar (Nazri Atoh et al., 2020; Vethamani, 2007). Pendekatan ini membantu membina keterlibatan pelajar secara menyeluruh dalam pembelajaran sastera.

Dalam aspek apresiasi sastera, pengulangan bacaan, perbandingan teks dan penglibatan emosi merupakan elemen penting dalam membina *dzauq*. Guru perlu mengelakkan pendekatan yang memaksakan tafsiran kerana ia boleh menghalang perkembangan penghayatan pelajar. Sebaliknya, pelajar perlu diberi ruang untuk membina tafsiran sendiri berdasarkan pengalaman mereka (Rosenblatt, 1978; Siti Norliana, 2008). Pendekatan ini menegaskan bahawa penghayatan sastera bersifat subjektif dan berkembang melalui pengalaman individu.

Pemilihan teks sastera pula perlu mengambil kira tahap bahasa pelajar, latar budaya dan nilai kemanusiaan yang terkandung dalam teks. Kesilapan dalam pemilihan teks boleh menyebabkan pelajar kehilangan minat terhadap sastera. Oleh itu, teks perlu disesuaikan tanpa menjejaskan nilai estetikanya (Carter & Long, 1991; Tina et al., 2007). Pemilihan teks yang sesuai merupakan faktor kritikal dalam memastikan keberkesanan pengajaran sastera.

Dalam pentafsiran teks, gabungan antara tafsiran leksikal dan apresiatif diperlukan untuk menghasilkan pemahaman yang menyeluruh. Tafsiran leksikal membantu memahami makna literal, manakala tafsiran apresiatif membolehkan pelajar menghargai nilai estetik dan emosi teks (al-Jurjani, 2004; Halliday & Hasan, 1976). Gabungan ini membolehkan pelajar memahami teks secara analitik dan estetik secara serentak.

Analisis perbandingan menunjukkan bahawa konsep *dzauq*, *nazm* dan pendekatan Ahmad al-Shayib mempunyai peranan yang saling melengkapi. *Dzauq* menekankan penghayatan estetik melalui pengalaman (Ibn Khaldun, 2023), *nazm* menekankan analisis struktur bahasa dan hubungan makna (al-Jurjani, 2004), manakala al-Shayib mengintegrasikan kedua-dua aspek tersebut dalam pedagogi moden yang berpusatkan pelajar (al-Shayib, 1964). Oleh itu, integrasi ketiga-tiga pendekatan ini mampu menghasilkan pembelajaran sastera yang lebih holistik, seimbang antara analisis dan penghayatan serta sesuai dengan keperluan pendidikan kontemporari.

Perbandingan Pendekatan Dzauq, Nazm dan Pedagogi Al-Shayib dalam Pengajaran Sastera Arab

Dalam tradisi sastera Arab, pemikiran Ibn Khaldun, Abd al-Qahir al-Jurjani dan Ahmad al-Shayib mewakili tiga kerangka utama dalam memahami dan mengajarkan sastera, iaitu pendekatan berasaskan penghayatan (*dzauq*), pendekatan berasaskan struktur (*nazm*) dan pendekatan pedagogi moden yang integratif. Ketiga-tiga pendekatan ini bukan sahaja berbeza dari segi epistemologi, tetapi juga menawarkan strategi pengajaran yang berbeza dalam bilik darjah. Namun, dapatan kajian menunjukkan bahawa ketiga-tiga pendekatan ini saling melengkapi dan boleh digabungkan dalam satu model pedagogi yang lebih menyeluruh.

Pendekatan *dzauq* dalam pemikiran Ibn Khaldun merujuk kepada pembinaan kepekaan estetik terhadap bahasa dan sastera melalui pengalaman, latihan berulang dan penghayatan yang mendalam terhadap teks. Dalam karya agungnya *al-Muqaddimah*, Ibn Khaldun menegaskan bahawa penguasaan bahasa dan kesusasteraan tidak dapat dicapai melalui hafalan semata-mata, tetapi melalui pembentukan *malakah* (kemahiran yang mantap) yang terhasil daripada pembiasaan (*ta'awwud*) dan latihan berperingkat (*tadrīj*) (Ibn Khaldun, 2014/2023; Mohd Zahirwan et al., 2017). Konsep ini menunjukkan bahawa *dzauq* bukan sekadar rasa subjektif, tetapi satu bentuk kompetensi estetik yang boleh dibina secara sistematik dalam proses pendidikan, selari dengan prinsip pembelajaran berasaskan pengalaman dalam pedagogi moden (Larson & Lockee, 2014).

Dalam konteks pengajaran sastera Arab, *dzauq* berfungsi sebagai asas kepada penghayatan keindahan bahasa. Ibn Khaldun menjelaskan bahawa pelajar perlu didedahkan kepada karya-karya sastera yang berkualiti tinggi seperti syair Arab klasik agar mereka dapat menyerap gaya bahasa, struktur ungkapan dan nilai estetika secara semula jadi (Ibn Khaldun, 2023). Proses ini berlaku melalui pembacaan berulang, pendengaran aktif (*samā'*) dan interaksi langsung dengan teks, yang akhirnya membentuk kepekaan terhadap keindahan bahasa (Nurhasma Muhamad Saad et al., 2025). Oleh itu, *dzauq* merupakan hasil daripada pengalaman linguistik yang berterusan, bukan sekadar pengetahuan teori tentang sastera. Dari sudut model pedagogi, pendekatan *dzauq* boleh diklasifikasikan sebagai model estetik-empirik, iaitu model yang menekankan pembelajaran melalui pengalaman langsung dan penghayatan emosi terhadap teks. Dalam model ini, pelajar tidak hanya menganalisis struktur bahasa, tetapi turut "merasai" keindahan ungkapan melalui irama, metafora dan gaya bahasa (Rosenblatt, 1978). Hal ini selari dengan dapatan kajian dalam Model MI-PSAIK yang menunjukkan bahawa penerapan *al-tazawwuj* (penghayatan estetik) merupakan komponen utama dalam membina kefahaman sastera yang holistik, merangkumi dimensi kognitif, afektif dan spiritual (Nazri Atoh et al., 2020).

Dari segi strategi pengajaran, pendekatan *dzauq* melibatkan beberapa teknik utama. Antaranya ialah pembacaan ekspresif teks sastera bagi membolehkan pelajar merasai keindahan bunyi dan ritma bahasa, perbincangan terbuka yang memberi ruang kepada respons peribadi pelajar terhadap teks, serta aktiviti perbandingan antara karya bagi mengasah sensitiviti estetik. Selain itu, guru berperanan sebagai *murabbi* yang membimbing pelajar memahami nilai tersirat dalam teks, bukan sekadar menjelaskan makna literal (al-Attas, 1999). Pendekatan ini menolak kaedah pengajaran yang terlalu berorientasikan analisis

mekanis, sebaliknya menekankan pengalaman estetik sebagai teras pembelajaran (Mohamed Amin, 2016).

Namun demikian, pendekatan *dzaug* juga mempunyai keterbatasan jika digunakan secara tunggal tanpa disokong oleh analisis struktur bahasa. Tanpa bimbingan analitik, pelajar mungkin hanya bergantung kepada intuisi dan gagal memahami hubungan antara bentuk dan makna secara sistematik. Oleh itu, dalam konteks pedagogi moden, pendekatan *dzaug* perlu diintegrasikan dengan pendekatan *nazm* oleh Abd al-Qahir al-Jurjani bagi memastikan keseimbangan antara penghayatan estetik dan analisis linguistik (al-Jurjani, 2004). Integrasi ini membolehkan pelajar bukan sahaja merasai keindahan teks, tetapi juga memahami bagaimana keindahan tersebut dibina melalui struktur bahasa, selaras dengan teori kohesi dan koheren dalam linguistik moden (Halliday & Hasan, 1976).

Secara keseluruhannya, pendekatan *dzaug* dalam pemikiran Ibn Khaldun menegaskan bahawa pengajaran sastera Arab harus berasaskan pengalaman, pembiasaan dan penghayatan. Ia merupakan asas penting dalam membentuk kepekaan bahasa, membina apresiasi sastera dan menghubungkan pembelajaran dengan dimensi rohani dan nilai kemanusiaan. Dalam kerangka pedagogi kontemporari, pendekatan ini kekal relevan sebagai komponen utama dalam model pengajaran sastera yang bersifat holistik dan bersepadu, khususnya apabila digabungkan dengan pendekatan analitik seperti *nazm* dan pendekatan pedagogi moden (Mohd Zahirwan et al., 2017; Nazri Atoh et al., 2020).

Pendekatan Dzaug dalam Pemikiran Ibn Khaldun

Pendekatan *dzaug* dalam pemikiran Ibn Khaldun merujuk kepada pembinaan kepekaan estetik terhadap bahasa dan sastera melalui pengalaman, latihan berulang dan penghayatan yang mendalam terhadap teks. Dalam karya agungnya *al-Muqaddimah*, Ibn Khaldun menegaskan bahawa penguasaan bahasa dan kesusasteraan tidak dapat dicapai melalui hafalan semata-mata, tetapi melalui pembentukan *malakah* (kemahiran yang mantap) yang terhasil daripada pembiasaan (*ta'awwud*) dan latihan berperingkat (*tadrij*) (Ibn Khaldun, 2014/2023; Mohd Zahirwan et al., 2017). Konsep ini menunjukkan bahawa *dzaug* bukan sekadar rasa subjektif, tetapi satu bentuk kompetensi estetik yang boleh dibina secara sistematik dalam proses pendidikan, selari dengan prinsip pembelajaran berasaskan pengalaman dalam pedagogi moden (Larson & Lockee, 2014).


Dalam konteks pengajaran sastera Arab, *dzaug* berfungsi sebagai asas kepada penghayatan keindahan bahasa. Ibn Khaldun menjelaskan bahawa pelajar perlu didedahkan kepada karya-karya sastera yang berkualiti tinggi seperti syair Arab klasik agar mereka dapat menyerap gaya bahasa, struktur ungkapan dan nilai estetika secara semula jadi (Ibn Khaldun, 2023). Proses ini berlaku melalui pembacaan berulang, pendengaran aktif (*sama'*) dan interaksi langsung dengan teks, yang akhirnya membentuk kepekaan terhadap keindahan bahasa (Nurhasma Muhamad Saad et al., 2025). Oleh itu, *dzaug* merupakan hasil daripada pengalaman linguistik yang berterusan, bukan sekadar pengetahuan teori tentang sastera.

Dari sudut model pedagogi, pendekatan *dzaug* boleh diklasifikasikan sebagai model estetik-empirik, iaitu model yang menekankan pembelajaran melalui pengalaman langsung dan penghayatan emosi terhadap teks. Dalam model ini, pelajar tidak hanya menganalisis struktur bahasa, tetapi turut "merasai" keindahan ungkapan melalui irama, metafora dan gaya bahasa (Rosenblatt, 1978). Hal ini selari dengan dapatan kajian dalam Model MI-PSAIK yang menunjukkan bahawa penerapan *al-tazawwug* (penghayatan estetik) merupakan komponen utama dalam membina kefahaman sastera yang holistik, merangkumi dimensi kognitif, afektif dan spiritual (Nazri Atoh et al., 2020).

Dari segi strategi pengajaran, pendekatan *dzaug* melibatkan beberapa teknik utama. Antaranya ialah pembacaan ekspresif teks sastera bagi membolehkan pelajar merasai keindahan bunyi dan ritma bahasa, perbincangan terbuka yang memberi ruang kepada respons peribadi pelajar terhadap teks, serta aktiviti perbandingan antara karya bagi mengasah sensitiviti estetik. Selain itu, guru berperanan sebagai *murabbi* yang membimbing pelajar memahami nilai tersirat dalam teks, bukan sekadar menjelaskan makna literal (al-Attas, 1999). Pendekatan ini menolak kaedah pengajaran yang terlalu berorientasikan analisis mekanis, sebaliknya menekankan pengalaman estetik sebagai teras pembelajaran (Mohamed Amin, 2016).

Namun demikian, pendekatan *dzaug* juga mempunyai keterbatasan jika digunakan secara tunggal tanpa disokong oleh analisis struktur bahasa. Tanpa bimbingan analitik, pelajar mungkin hanya bergantung kepada intuisi dan gagal memahami hubungan antara bentuk dan makna secara sistematik. Oleh itu, dalam konteks pedagogi moden, pendekatan *dzaug* perlu diintegrasikan dengan pendekatan *nazm* oleh Abd al-Qahir al-Jurjani bagi memastikan keseimbangan antara penghayatan estetik dan analisis linguistik (al-Jurjani, 2004). Integrasi ini membolehkan pelajar bukan sahaja merasai keindahan teks, tetapi juga memahami bagaimana keindahan tersebut dibina melalui struktur bahasa, selaras dengan teori kohesi dan koheren dalam linguistik moden (Halliday & Hasan, 1976).

Secara keseluruhannya, pendekatan *dzaug* dalam pemikiran Ibn Khaldun menegaskan bahawa pengajaran sastera Arab harus berasaskan pengalaman, pembiasaan dan penghayatan. Ia merupakan asas penting dalam membentuk kepekaan bahasa, membina apresiasi sastera dan menghubungkan pembelajaran dengan dimensi rohani dan nilai kemanusiaan. Dalam kerangka pedagogi kontemporari, pendekatan ini kekal relevan sebagai komponen utama dalam model pengajaran sastera yang bersifat holistik dan bersepadu, khususnya apabila digabungkan dengan pendekatan analitik seperti *nazm* dan pendekatan pedagogi moden (Mohd Zahirwan et al., 2017; Nazri Atoh et al., 2020).



RAJAH 1. Model Pendekatan Dzaug Ibnu Khaldun

Pendekatan Nazm dalam Pemikiran Abd al-Qahir al-Jurjani

Berbeza dengan pendekatan *dzaug*, pendekatan *nazm* yang diasaskan oleh Abd al-Qahir al-Jurjani menekankan bahawa keindahan bahasa terletak pada hubungan antara struktur dan makna, bukan pada perkataan secara terpisah (al-Jurjānī, 1987; Atabik, 2021). Dalam teori ini, perkataan tidak mempunyai nilai estetika secara intrinsik, sebaliknya keindahan terhasil daripada susunan kata yang tepat mengikut tuntutan makna dan kaedah nahu. Al-Jurjānī menegaskan bahawa *nazm* ialah integrasi antara lafaz dan makna yang saling berkait serta tertakluk kepada sistem nahu dalam menghasilkan makna yang sempurna.

Model pendekatan *nazm* boleh diklasifikasikan sebagai model analitik-struktural, di mana fokus utama adalah kepada analisis hubungan antara unsur linguistik dalam teks. Dalam kerangka ini, makna tidak berdiri sendiri, tetapi terhasil daripada hubungan antara kata, struktur ayat dan konteks wacana. Pendekatan ini selari dengan teori linguistik moden seperti kohesi dan koheren dalam teks yang menekankan hubungan antara unsur bahasa dalam membentuk makna keseluruhan (Halliday & Hasan, 1976).


Dari segi strategi pengajaran, pendekatan *nazm* melibatkan analisis teks secara sistematik, seperti mengenal pasti struktur ayat, fungsi kata dan hubungan semantik antara

frasa. Al-Jurjānī sendiri menegaskan bahawa keindahan bahasa hanya dapat difahami melalui analisis terhadap susunan ayat yang mematuhi prinsip nahu dan hubungan makna. Pelajar juga dilatih untuk memahami bagaimana perubahan dalam susunan kata boleh menghasilkan makna yang berbeza, kerana setiap unsur dalam ayat mempunyai fungsi tertentu dalam membentuk makna keseluruhan.

Selain itu, pendekatan *nazm* menekankan kepentingan konteks dalam memahami teks. Makna sesuatu perkataan tidak boleh ditentukan secara terpisah, tetapi perlu dilihat dalam keseluruhan struktur ayat dan hubungan antara unsur-unsurnya. Hal ini kerana dalam teori al-Jurjānī, makna telah tersusun terlebih dahulu dalam pemikiran, kemudian diterjemahkan melalui susunan bahasa yang sesuai. Oleh itu, pemahaman teks memerlukan pendekatan holistik yang mengambil kira struktur, makna dan konteks secara serentak.

Kepentingan hubungan antara struktur bahasa dan makna turut ditunjukkan dalam kajian Nik Muhamad Aidil Aiman Nik Adli dan Md. Nor Abdullah (2025) terhadap puisi al-Hariri. Kajian tersebut mendapati bahawa penggunaan bentuk al-kalām al-inshā'ī seperti perintah, larangan, pertanyaan dan seruan berfungsi menyampaikan nasihat serta nilai moral melalui susunan retorik yang terancang. Dapatan ini mengukuhkan prinsip *nazm* bahawa keindahan dan keberkesanan sesuatu teks tidak terletak pada kata secara terpisah, tetapi pada hubungan struktur, konteks dan makna yang dibentuk secara tersusun.

Walaupun bagaimanapun, walaupun pendekatan *nazm* sangat kuat dari segi analisis linguistik dan struktur, beberapa kajian menunjukkan bahawa pendekatan ini boleh menjadi terlalu mekanis jika tidak disertai dengan dimensi penghayatan estetik. Penekanan yang berlebihan terhadap struktur boleh menyebabkan pelajar memahami teks secara teknikal tetapi kurang merasai keindahan dan kesan emosinya (Carter & Long, 1991). Oleh itu, pendekatan ini perlu digabungkan dengan pendekatan *dzaug* bagi memastikan keseimbangan antara analisis rasional dan penghayatan estetik dalam pembelajaran sastera.



RAJAH 2. Pendekatan Nazm menurut Abd al-Qahir al-Jurjani

Pendekatan Pedagogi Sastera Ahmad al-Shayib

Pendekatan Ahmad al-Shayib terhadap sastera menampilkan satu kerangka pedagogi moden yang menggabungkan dimensi analitik dan estetik dalam proses pengajaran. Beliau melihat sastera bukan sekadar bahan bacaan, tetapi sebagai satu medan latihan intelektual dan emosi yang memerlukan keterlibatan aktif pelajar. Pendekatan ini menekankan bahawa pemahaman sastera tidak boleh dicapai melalui hafalan fakta semata-mata, sebaliknya melalui interaksi langsung dengan teks dan pengalaman pembelajaran yang bermakna (al-Shayib, 1964).

Salah satu teras utama pendekatan al-Shayib ialah integrasi antara analisis teks dan penghayatan estetik. Dalam hal ini, beliau menolak pendekatan tradisional yang terlalu menekankan aspek teori tanpa pengalaman membaca yang mendalam. Sebaliknya, beliau mencadangkan agar pelajar terlebih dahulu berinteraksi dengan teks, memahami makna secara literal, kemudian bergerak kepada analisis gaya bahasa, struktur dan nilai estetika. Pendekatan ini selari dengan konsep bahawa gaya bahasa (*uslub*) merupakan medium utama dalam menyampaikan makna dan emosi dalam sastera. (Fitria Fajrina, 2018)

Selain itu, pendekatan al-Shayib (1964) menekankan pembelajaran berpusatkan pelajar (*student-centered learning*). Dalam kerangka ini, pelajar digalakkan untuk memberikan respons peribadi terhadap teks, menyatakan pandangan sendiri serta terlibat dalam perbincangan kritis. Guru berperanan sebagai fasilitator yang membimbing proses

pembelajaran, bukan sebagai sumber autoriti mutlak. Pendekatan ini bertujuan membina keupayaan pelajar untuk berfikir secara kritis dan kreatif dalam memahami karya sastera.


Dari sudut strategi pengajaran, al-Shayib (1964) menekankan penggunaan kaedah berperingkat dan sistematik. Pengajaran sastera perlu dimulakan dengan pemahaman asas terhadap teks sebelum beralih kepada analisis yang lebih kompleks. Proses ini melibatkan beberapa peringkat seperti pembacaan, penjelasan makna, analisis gaya bahasa dan akhirnya apresiasi. Struktur ini menunjukkan bahawa pembelajaran sastera merupakan satu proses perkembangan yang memerlukan latihan berterusan.

Pendekatan al-Shayib (1964) juga memberi perhatian kepada fungsi bahasa sebagai alat ekspresi dan komunikasi. Beliau menegaskan bahawa sastera merupakan manifestasi penggunaan bahasa yang paling tinggi, kerana ia melibatkan pemilihan diksi, susunan ayat dan penggunaan unsur balaghah secara kreatif. Hal ini selari dengan konsep *uslub* yang menekankan bahawa gaya bahasa mencerminkan keupayaan penutur dalam menyampaikan idea dan perasaan secara berkesan.

Selain itu, beliau menekankan kepentingan konteks budaya dan sosial dalam memahami sastera. Teks sastera tidak boleh dipisahkan daripada latar sejarah, budaya dan pengalaman manusia yang melahirkannya. Oleh itu, pelajar perlu didedahkan kepada konteks ini bagi memahami makna yang lebih mendalam. Pendekatan ini menjadikan pengajaran sastera lebih relevan dengan kehidupan pelajar serta membantu mereka memahami realiti masyarakat. (Fitria Fajrina, 2018)

Dalam aspek penilaian, pendekatan al-Shayib (1964) menekankan penilaian holistik yang tidak hanya mengukur pengetahuan fakta, tetapi juga keupayaan pelajar untuk mentafsir, menganalisis dan mengapresiasi teks. Ini termasuk keupayaan menggunakan istilah sastera, menjelaskan makna tersirat dan menghasilkan respons kreatif terhadap teks.

Secara keseluruhannya, pendekatan al-Shayib (1964) boleh dirumuskan sebagai pendekatan yang bersifat integratif, pedagogi dan kontekstual. Ia menggabungkan analisis bahasa, penghayatan estetik dan pembelajaran aktif pelajar dalam satu kerangka yang seimbang. Pendekatan ini juga berpotensi menjadi jambatan antara teori klasik seperti *dzaug* dan *nazm* dengan keperluan pedagogi moden.



RAJAH 3. Model Pendekatan Sastera Ahmad al-Shayib

JADUAL 1. Analisis Perbincangan Perbandingan Pendekatan Dzauq, Nazm dan Pedagogi al-Shayib dalam Pengajaran Sastera Arab.

Aspek	Dzauq (Ibn Khaldun)	Nazm (Abd al-Qahir al-Jurjani)	Pedagogi al-Shayib (Ahmad al-Shayib, 1964)
Konsep Utama	Keindahan bahasa melalui rasa (<i>dzauq</i>) dan pengalaman	Keindahan bahasa melalui hubungan struktur dan makna	Integrasi penghayatan, analisis dan pedagogi moden
Definisi	Kepekaan estetik yang terbina melalui <i>malakah</i> (latihan berulang)	Susunan kata yang mengikuti sistem nahu dan menghasilkan makna	Pendekatan pengajaran sastera yang menggabungkan analisis dan apresiasi
Prinsip Teras	Pembelajaran melalui pengalaman dan pembiasaan (<i>tadarruj</i>)	Makna mendahului struktur; struktur menyokong makna	Pembelajaran berpusatkan pelajar dan kontekstual
Dimensi	Afektif (emosi dan estetika)	Analitik (struktur dan makna)	Pedagogi (strategi dan aplikasi)
Fokus	Penghayatan keindahan bahasa	Analisis struktur bahasa dan hubungan makna	Pengajaran holistik sastera
Elemen Analisis	Pengalaman, emosi, pengulangan bacaan	Nahwu, semantik, susunan kata, konteks	Teks, konteks budaya, pengalaman pelajar
Pendekatan Strategi Pengajaran	Estetik-empirik Pembacaan ekspresif, perbincangan terbuka, respons peribadi	Analitik-struktural Analisis teks, kenal pasti fungsi kata, perbandingan ayat	Integratif-pedagogi Perbincangan, refleksi, interpretasi, aktiviti berpusatkan pelajar
Peranan Pelajar	Menghayati dan merasai teks	Menganalisis dan mentafsir teks secara sistematik	Terlibat aktif, berfikir kritis dan membuat interpretasi
Peranan Guru	Membimbing penghayatan (<i>murabbi</i>)	Membimbing analisis struktur dan makna	Fasilitator pembelajaran
Kekuatan	Membina sensitiviti estetik dan minat terhadap sastera	Ketepatan makna, pemikiran kritis, kefahaman mendalam	Seimbang antara analisis dan penghayatan
Kelemahan	Kurang sistematik tanpa analisis struktur	Kurang unsur estetika jika tidak digabungkan dengan <i>dzauq</i>	Bergantung kepada kemahiran guru dan reka bentuk pengajaran
Sumbangan kepada Pedagogi	Membina asas apresiasi sastera	Menguatkan analisis linguistik	Menghasilkan model pengajaran sastera moden

SINTESIS DAN CADANGAN MODEL INTEGRATIF DALAM PENDEKATAN PENGAJARAN KESUSASTERAAN ARAB


Dalam analisis perbandingan, dapatan kajian menunjukkan bahawa pendekatan dzauq, nazm dan pedagogi Ahmad al-Shayib mewakili tiga dimensi utama dalam pengajaran sastera Arab, iaitu dimensi afektif, analitik dan pedagogi. Pendekatan dzauq yang diasaskan dalam pemikiran Ibn Khaldun menekankan pembinaan rasa bahasa melalui konsep *malakah*, iaitu keupayaan yang terbina melalui latihan berulang dan pendedahan kepada teks berkualiti. Dalam konteks ini, pembelajaran sastera tidak boleh dicapai melalui hafalan semata-mata, tetapi memerlukan pengalaman yang berterusan dengan bahasa dan teks. Pendekatan ini

memberi penekanan kepada dimensi estetik dan emosi dalam pembelajaran, di mana pelajar perlu “merasai” keindahan bahasa sebelum mampu memahaminya secara analitik.

Sebaliknya, pendekatan nazm yang diasaskan oleh Abd al-Qahir al-Jurjani menekankan bahawa keindahan bahasa terletak pada hubungan antara struktur dan makna. Dalam teori ini, keindahan teks tidak bergantung kepada perkataan secara terpisah, tetapi kepada susunan kata yang tepat mengikut kehendak makna (al-Jurjani, 2004). Pendekatan ini bersifat analitik dan objektif, di mana pelajar dilatih untuk memahami bagaimana struktur bahasa mempengaruhi makna dan kesan retorik teks. Dalam konteks pedagogi, pendekatan nazm membantu pelajar membina kemahiran analisis teks yang mendalam, termasuk keupayaan untuk menilai gaya bahasa, struktur ayat dan hubungan semantik.

Pendekatan Ahmad al-Shayib pula cuba mengintegrasikan kedua-dua dimensi tersebut dalam konteks pedagogi moden. Beliau menekankan bahawa pengajaran sastera perlu melibatkan penghayatan emosi, analisis teks dan pemahaman konteks sejarah serta budaya. Pendekatan ini selari dengan prinsip pembelajaran berpusatkan pelajar, di mana pelajar diberi peluang untuk terlibat secara aktif dalam proses pembelajaran melalui perbincangan, interpretasi dan refleksi. Dalam hal ini, sastera tidak lagi dilihat sebagai bahan hafalan, tetapi sebagai medium untuk membina pemikiran kritis dan kesedaran budaya.

Pendekatan integratif terhadap teks turut ditegaskan oleh Mohamaed Aziz Abdel Maqsd Sayed Ahmed et al. (2024), yang menunjukkan bahawa pembacaan teks secara menyeluruh melalui hubungan antara nahu, semantik, balaghah dan sastera dapat menampilkan kepaduan serta keindahan makna secara lebih jelas. Dalam konteks kajian ini, dapatan tersebut mengukuhkan keperluan menggabungkan dzauq sebagai dimensi penghayatan, nazm sebagai dimensi analisis struktur, dan pendekatan al-Shayib sebagai dimensi pedagogi yang menghubungkan teks dengan pengalaman pembelajaran pelajar.



RAJAH 4. Cadangan Sintesis Model Pengajaran Sastera Arab secara Holistik

KESIMPULAN

Perbandingan antara ketiga-tiga pendekatan ini menunjukkan bahawa setiap satu mempunyai kekuatan tersendiri. Pendekatan dzauq menekankan pembinaan rasa dan penghayatan, pendekatan nazm menekankan analisis struktur dan makna, manakala pendekatan al-Shayib menekankan strategi pengajaran yang sesuai dengan konteks moden. Namun, dapatan kajian menunjukkan bahawa pendekatan-pendekatan ini tidak bercanggah, sebaliknya saling melengkapi. Integrasi ketiga-tiganya mampu menghasilkan satu model pedagogi yang seimbang antara emosi dan intelektual, serta antara teori dan praktis.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pengajaran sastera Arab yang berkesan memerlukan pendekatan yang holistik dan integratif. Penggabungan konsep dzauq, nazm dan pedagogi moden bukan sahaja meningkatkan kecekapan bahasa

dan kesusasteraan pelajar, tetapi juga membina keupayaan mereka untuk memahami dan menghargai sastera sebagai pengalaman manusia yang menyeluruh. Pendekatan ini amat relevan dalam konteks pendidikan abad ke-21 yang menuntut keseimbangan antara pengetahuan, kemahiran dan nilai.

PENGHARGAAN

Kajian ini telah dijalankan dengan pembiayaan daripada PPPI/PTJ/FPBU/USIM/14425. Kami merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada FPBU, USIM atas penyediaan dana bagi melaksanakan penyelidikan ini.

SUMBANGAN PENULIS

Konseptualisasi, Nurhasma Muhamad Saad dan Ab. Adly Rabbanie Ab Rahim; metodologi, Nurhasma Muhamad Saad dan Ab. Adly Rabbanie Ab Rahim; pengesahan, Margaret Anthony, Yee Chin Yip dan Khazri Osman; analisis formal, Nurhasma Muhamad Saad dan Ab. Adly Rabbanie Ab Rahim; penyiasatan, Nurhasma Muhamad Saad dan Ab. Adly Rabbanie Ab Rahim; sumber, semua pengarang; kurasi data, Ab. Adly Rabbanie Ab Rahim; visualisasi, Ab. Adly Rabbanie Ab Rahim; penulisan-penyediaan draf asal, Nurhasma Muhamad Saad dan Ab. Adly Rabbanie Ab Rahim; penulisan-semakan dan penyuntingan, Margaret Anthony, Yee Chin Yip, Khazri Osman dan Ahmadi; penyeliaan, Khazri Osman; pentadbiran projek, Nurhasma Muhamad Saad; pemerolehan dana, Nurhasma Muhamad Saad. Semua pengarang telah membaca dan bersetuju dengan versi akhir manuskrip yang dihantar untuk penerbitan.

DEKLARASI PENGGUNAAN TEKNOLOGI KECERDASAN BUATAN (AI)

Para penulis telah menggunakan ChatGPT oleh (GPT-5.1, OpenAI) hanya sebagai alat sokongan bagi membantu pemurnian tatabahasa, ejaan dan pembentukan frasa dalam manuskrip ini. Kecerdasan buatan (AI) tidak digunakan untuk menghasilkan kandungan konseptual, interpretasi, hujah, dapatan atau kesimpulan kajian. Semua kandungan telah disemak dan disahkan semula oleh para penulis, yang bertanggungjawab sepenuhnya terhadap integriti manuskrip ini.

PERTENTANGAN KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada sebarang potensi konflik kepentingan, sama ada bersifat kewangan, peribadi atau professional yang boleh mempengaruhi kajian ini.

KENYATAAN ETIKA

Kajian ini tidak melibatkan subjek manusia atau haiwan. Semua data diperolehi daripada sumber awam yang boleh diakses secara terbuka dan tidak mengandungi maklumat pengenalan peribadi. Oleh itu, kelulusan etika tidak diperlukan.

RUJUKAN

- Allen, R. (2000). *An introduction to Arabic literature*. Cambridge University Press.
- Atabik, A. (2021). Al-naẓm stylistic discourse in i'jāz al-Qur'ān based on al-Jurjānī's perspective. *Ulumuna*, 25(1), 57–83.
- Atabik, A. (2021). Al-naẓm stylistic discourse in i'jāz al-Qur'ān based on al-Jurjānī's perspective. *Ulumuna*, 25(1), 57–83.
- Al-Attas, S. M. N. (1999). *Risalah untuk kaum Muslimin*. ISTAC.
- Badawi, M. M. (1992). *A critical introduction to modern Arabic poetry*. Cambridge University Press.
- Bowen, G. A. (2009). Document analysis as a qualitative research method. *Qualitative Research Journal*, 9(2), 27–40.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77–101.
- Brumfit, C. (1985). *Language and literature teaching: From practice to principle*. Pergamon Press.
- Carter, R., & Long, M. (1991). *Teaching literature*. Longman.
- Chan, S. H. (1999). Literature in ESL classroom.
- Creswell, J. W. (2014). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (4th ed.). Sage.
- Denzin, N. K. (1978). *The research act: A theoretical introduction to sociological methods*. McGraw-Hill. design. Routledge.
- Fitria, F. (2018). Al-uslub fi an-naqd al-balaghy. *IJAZ Arabi Journal of Arabic Learning*, 1(2), 81–96.
- Halliday, M. A. K., & Hasan, R. (1976). *Cohesion in English*. Longman.
- Ibn Khaldun, A. R. M. (2014). *al-Muqaddimah*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Khaldun, A. R. M. (2023). *Mukadimah*. Kuala Lumpur: The Biblio Press.
- Al-Jurjani, A. Q. (1987). *Dalā'il al-I'jāz*. Kaherah: Dār al-Madanī.
- Al-Jurjani, A. Q. (2004). *Dala'il al-I'jaz*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Langer, J. A. (1991). *Literary understanding and literature instruction*. Teachers College
- Larson, M. B., & Lockee, B. B. (2014). *Streamlined ID: A practical guide to instructional*
- Lincoln, Y. S., & Guba, E. G. (1985). *Naturalistic inquiry*. Sage.
- Maley, A. (2001). Literature in the language classroom.
- Miles, M. B., Huberman, A. M., & Saldaña, J. (2014). *Qualitative data analysis: A methods sourcebook* (3rd ed.). Sage.
- Ministry of Education Malaysia. (1999). *Curriculum specifications for English language*. KPM.
- Mohamaed Aziz Abdel Maqsud Sayed Ahmed, Mohamad Lukman Al Hakim Md. Noor, & Mohd Feham Md. Ghalib. (2024). Integration of knowledge between Arabic sciences: Structuring of the text and its role. *International Journal of West Asian Studies*, 16, 163–180.
- Mohamed Amin. (2016). *Pemikiran dan reka bentuk semula pengajaran dan pembelajaran abad ke-21*. Penerbit UKM.
- Mohd Zahirwan, H., Z. A., Pisol, M., Muhammad Yusri, Y., Paiz, H., Hamdi Rahman, M. Y., Abd Munir, M. N., & Muhammad Imran, A. R. (2017). Pandangan Ibnu Khaldun berkaitan kaedah pendidikan dalam kitab al-Muqaddimah. *Ideology*, 2(1), 26–35.
- Nazri Atoh, N., Mohd Azam, M. H., & Faridah, A. (2020). Estetika Islam dalam pengajaran Bahasa Arab. *Jurnal Pengajian Arab*, 8(1), 33–49.
- Nik Muhamad Aidil Aiman Nik Adli, & Md. Nor Abdullah. (2025). Nasihat melalui retorik: Fungsi al-kalām al-inshā'ī dalam puisi al-Ḥarīrī. *International Journal of West Asian Studies*, 17.
- Nor Fatini Aqilah Mohamad Soad, Kaseh Abu Bakar, & Lily Hanefarezan Asbulah. (2024). Enjoyment and engagement of Malaysian learners in Arabic studies programme. *International Journal of West Asian Studies*, 16, 18–32.
- Nurhasma Muhamad Saad, Ab Adly Rabbanie Ab Rahim, Yee Chin Yip, Margaret Anthony & Wan Moharani Mohammed. (2025). Pemikiran Ibn Khaldun tentang hubungan antara kesusasteraan, masyarakat, dan pembangunan tamadun dalam buku Mukadimah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 10(74), 343–358.

- Rosenblatt, L. (1978). *The reader, the text, the poem*. Southern Illinois University Press.
- Saraceni, M. (2003). *The language of comics*. Routledge.
- Al-Shayib, A. (1964). *Usul al-naqd al-adabi*. Dar al-Nahdah al-Misriyyah.
- Siti Norliana, G. (2008). Students' perceptions towards literature learning.
- Siti Rosilawati Ramlan, Ghazali Zainuddin, Lubna Abdul Rahman, Wan Azura Wan Ahmad, Mohammad Najib Jaffar, Mohammad Imran Ahmad, & Noor Azli Mohamed Masrop. (2025). Analisis keperluan pembangunan elemen gamifikasi bagi pengajaran dan pembelajaran Balaghah berdasarkan Kurikulum Bersepadu Dini. *International Journal of West Asian Studies*, 17.
- Tina Abdullah, H., Hassan, F., Fauziah, A., Fara Adlina, A., & Marzilah, A. (2007). Teaching literature in Malaysian schools.
- Torraco, R. J. (2005). Writing integrative literature reviews: Guidelines and examples. *Human Resource Development Review*, 4(3), 356–367.
- Tu'aimah, R. A. (1989). *Ta'lim al-'Arabiyyah li-ghayr al-natiqin biha: Manahijuha wa asalibuha*. Rabat: al-Munazzamah al-Islamiyyah li al-Tarbiyah wa al-'Ulum wa al-Thaqafah.
- Vethamani, M. E. (2004). Responding to literature in the ESL classroom.
- Vethamani, M. E. (2007). Literature in ESL classrooms